

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN PRABAKARAN A/L M  
PARAMESWARAN [ BATU ]**

**TARIKH : 26 OKTOBER 2023 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran [ Batu ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk memperkenalkan Lesen Rahmah dan rebat takaful dan komprehensif bagi pemain gig ekonomi e-hailing.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan MADANI yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat (YAB) Perdana Menteri sentiasa memberi perhatian terhadap pembangunan gig ekonomi yang mampan khususnya melibatkan sektor perkhidmatan *e-hailing* dan *p-hailing*. Dalam hubungan ini, Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) melalui Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ) telah memperuntukan sebanyak RM4.7 juta bagi Program MyLesen Tahun 2023 yang akan memanfaatkan 13,000 peserta daripada golongan B40 dan belia untuk mendapatkan lesen yang sewajarnya secara percuma dan seterusnya membuka peluang pekerjaan di dalam sektor *gig economy*, pengangkutan awam dan pelancongan. Sehingga 13 Oktober 2023, jumlah peserta yang telah berdaftar ke Institut Memandu (IM) bagi mendapatkan Lesen terlibat secara percuma adalah sebanyak 9,709 peserta.
2. Berhubung dengan rebat takaful, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) telah menawarkan Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) dengan kadar bayaran caruman bulanan yang rendah dan komprehensif untuk “orang yang bekerja sendiri” dalam sektor gig ekonomi termasuklah perkhidmatan *e-hailing* dan *p-hailing*. Caruman kepada SKSPS ini juga telah menjadi syarat wajib dalam pembaharuan dan pendaftaran Lesen Lesen Vokasional (PSV/GDL) di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333].

Sekian, terima kasih.